



**GARIS PANDUAN  
PEMBUDAYAAN MALAYSIA MADANI  
MELALUI LOGO KHUSUS**

**OLEH:**  
**AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM)**  
**PEJABAT PERDANA MENTERI**

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Pada 27 Februari 2024 Mesyuarat Khas Akademi Kenegaraan telah memutuskan agar pembudayaan Malaysia MADANI harus diperlihatkan di setiap program dan aktiviti anjuran kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

1.2 Setiap program kementerian seharusnya dipadankan dengan mana-mana nilai teras Malaysia MADANI yang berkaitan dan ia perlu diperlihatkan melalui logo berasaskan kepada enam (6) nilai teras Malaysia MADANI seperti Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

1.3 Cadangan logo khusus mengikut nilai teras Malaysia MADANI telah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Negara melalui minit ceraian Bil 2/ 2024 Ruj: AKM 100.9-2/1 (1) bertarikh 31 Mei 2024.

1.4 Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Penggunaan Logo Khusus Malaysia MADANI ini dikeluarkan untuk rujukan dan panduan kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Syarikat Korporat dan NGO yang akan menggunakan logo-logo tersebut.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Malaysia MADANI seharusnya tersemat dalam hati seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan asal usul. Oleh yang demikian, penggunaan logo Malaysia MADANI yang berfungsi sebagai simbol kepada Malaysia MADANI itu sendiri perlu diperluas penggunaannya supaya roh Malaysia MADANI sentiasa tersemat dalam diri dan jiwa rakyat Malaysia.

2.2 Justeru, penggunaan logo khusus Malaysia MADANI dalam setiap program anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi,

Syarikat Korporat dan NGO melalui medium promosi secara maya mahupun bercetak adalah usaha yang bertepatan dalam memastikan pembudayaan Malaysia MADANI berlaku secara berterusan.

2.3 Pembudayaan logo khusus Malaysia MADANI ini perlu dilakukan secara bersama-sama merentasi keseluruhan kerajaan dan masyarakat melibatkan pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Syarikat Korporat dan NGO untuk memastikan pelaksanaan program dan aktiviti kerajaan pada hari ini diterapkan dengan roh nilai teras Malaysia MADANI.

### 3. OBJEKTIF

3.1 Penyeragaman penggunaan logo khusus Malaysia MADANI di setiap program dan aktiviti anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Syarikat Korporat dan NGO;

3.2 Sebagai sumber rujukan bagi penggunaan logo khusus Malaysia MADANI; dan

3.3 Supaya logo Malaysia MADANI yang digunakan berserta dengan enam (6) nilai teras Malaysia MADANI mengikut padanan kesesuaian program dan aktiviti tersebut.

### 4. PEMBUDAYAAN MALAYSIA MADANI MELALUI LOGO KHUSUS

4.1 Penggunaan logo khusus adalah terbahagi kepada enam (6) nilai teras Malaysia MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Setiap logo khusus ini hendaklah digunakan bersesuaian dengan maksud.

4.2 Program gotong royong bertemakan alam sekitar adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI yang pertama iaitu **kemampanan** dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, dan juga terhadap alam sekitar

## GARIS PANDUAN PEMBUDAYAAN MALAYSIA MADANI MELALUI LOGO KHUSUS

termasuk haiwan dan tumbuhan. Oleh yang demikian, contoh penggunaan logo khusus Malaysia MADANI dengan nilai teras kemampanan adalah seperti di bawah:



4.3 **Kesejahteraan**, nilai teras Malaysia MADANI yang kedua merujuk kepada sejahtera dari aspek ekonomi dan sosial melalui budaya ilmu serta kepelbagaian pandangan. Visi nilai teras ini adalah untuk mewujudkan sebuah negara sejahtera, seimbang antara pertumbuhan ekonomi yang mampan dan amalan kerohanian yang memperkasa semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang. Sebagai contoh, program Karnival Kerjaya yang menyasarkan semua rakyat Malaysia bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan merupakan pendekatan yang sesuai untuk menggambarkan nilai kesejahteraan. Oleh yang demikian, pelaksanaan program sebegini boleh menggunakan logo khusus seperti di bawah:



4.4 Seterusnya, untuk nilai teras Malaysia MADANI ketiga iaitu **daya cipta** yang membawa maksud pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelaskan daya cipta manusia. Ia sesuai digunakan untuk program berbentuk inovasi seperti program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang menjadi program tahunan setiap kementerian. Pelaksanaan program seumpama KIK ini akan mencungkil bakat reka cipta rakyat Malaysia yang mampu menjana idea baharu ke arah perubahan negara yang lebih maju dan berimpak tinggi berteraskan roh daya cipta itu sendiri. Oleh yang demikian, contoh penggunaan logo Malaysia MADANI dengan nilai teras daya cipta adalah seperti di bawah:



4.5 **Hormat** merupakan nilai teras Malaysia MADANI keempat yang merujuk perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia, sinonim dengan kesopanan dan ketawadukan dan dilihat bukan hanya tingkah laku semata-mata tetapi juga asas kepada sebuah peradaban. Hormat dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan visi membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang adil, saling menghormati, berdedikasi, punyai nilai kesaksamaan dan berintegriti tinggi. Sebagai contoh, ia boleh dipamerkan melalui program-program latihan kenegaraan, perpaduan, kebudayaan serta diskusi intelektual. Penggunaan logo dengan nilai teras hormat adalah seperti di bawah:



4.6 Nilai teras Malaysia MADANI yang kelima, **keyakinan** pula dikaitkan dengan harapan terhadap perubahan seiring dengan sikap amanah ke arah kebaikan yang merupakan suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi. Keyakinan dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan tujuan untuk memulihkan semula keyakinan terhadap negara dan membangunkannya semula di samping mengukuhkan perpaduan serta kerjasama antara kerajaan dengan rakyat. Sebagai contoh, nilai teras ini bertepatan dengan sesi amanat pucuk pimpinan tertinggi sesebuah organisasi sewaktu perhimpunan bulanan setiap kementerian, agensi dan jabatan kerajaan yang sentiasa menitikberatkan tanggungjawab penjawat awam dalam usaha membangunkan negara Malaysia. Penggunaan logo Malaysia MADANI dengan nilai teras keyakinan adalah seperti di bawah:



4.7 Program-program bantuan kerajaan kepada rakyat adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI yang keenam iaitu **ihsan** yang membawa maksud belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain serta berusaha mencari jalan bagi mengatasinya. Ihsan dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan visi untuk memberdaya seluruh rakyat melalui penyediaan keperluan asas yang mencukupi, makanan seimbang, perumahan mampu milik, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan yang bersesuaian serta sokongan berterusan untuk golongan miskin yang terpinggir. Oleh yang demikian, contoh penggunaan logo Malaysia MADANI dengan nilai teras ihsan adalah seperti di bawah:



## 5. RUJUKAN

5.1 Rujukan lanjut boleh didapati melalui pautan <http://bit.ly/logokhususmalaysiamadani>. Pihak tuan/puan juga boleh melayari portal rasmi AKM di <http://www.akm.gov.my> atau menghubungi Bahagian Perancangan Strategik, Akademi Kenegaraan Malaysia di talian 03-8872 4607/08/49/56/74/77.

## **6. PENUTUP**

6.1 Garis panduan ini berupaya menjadi medium promosi secara maya mahupun bercetak dalam memastikan pembudayaan Malaysia MADANI berlaku secara berterusan dalam setiap program anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Syarikat Korporat dan NGO.

Disediakan oleh:  
Akademi Kenegaraan Malaysia  
15 Ogos 2024